

CNS2443

R GB 06-01 00147 BD976

bah

Mahathir - Wanita

KETEPI WANITA DARIPADA DUNIA PERNIAGAAN HALANG KELANCARAN PEMBANGUNAN
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10 MALAM, 6 JAN)

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Kelancaran proses pembangunan ekonomi negara akan terhalang jika wanita ditinggalkan daripada dunia perniagaan dan perusahaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, penyertaan wanita dalam usaha memajukan ekonomi negara amat penting memandangkan mereka memiliki sifat-sifat yang sesuai.

"Di samping itu, kita juga memerlukan ramai rakyat Malaysia menyumbangkan tenaga dan kepintaran bagi menjayakan pembangunan negara," katanya pada majlis Anugerah Usahawan Wanita Harapan 1993 anjuran PENIAGAWATI di sini malam ini.

Sehubungan dengan itu, jika wanita dipisahkan dan tidak menyumbang segala aset yang ada pada mereka, separuh daripada tenaga negara akan hilang, kata beliau.

Sebab itulah, tenaga wanita mesti digemblengkan secara berterusan dan rapi, kata Perdana Menteri. -- Lagi

▼06/01/20-12MST

CNS2444

R GB 06-01 00136 BD977

bah

Mahathir - Wanita 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata, umat Islam yang hari ini perlu berlumba-lumba dengan orang lain, juga tidak boleh mengetepikan separuh daripada tenaganya iaitu wanita, kerana perbuatan itu boleh melemahkan mereka (umat Islam) sehingga dihina dan ditindas selama-lamanya.

Beliau berkata, mereka yang begitu asyik dengan soal kewanitaan wanita sehingga tidak dapat melihat kepentingan untuk melindungi dan memuliakan Islam dan umatnya belum tentu mengikuti ajaran Islam yang sebenar.

"Islam yang tidak mengambil kira keadaan sekeliling tidak akan hidup subur dan maju," katanya.

Dalam hal ini, perbuatan menyebabkan agama Islam menjadi pudar dan umatnya menjadi lemah adalah bukan suruhan Islam, kata beliau.

Perdana menteri berkata, apabila mempersoalkan masalah wanita, janganlah ditekankan hanya soal jantina kerana Islam turut mengambil kira faktor-faktor lain. -- Lagi

▼06/01/20-14MST

CNS2446

R GB 06-01 00123 BD978

bah

Mahathir - Wanita 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata, Malaysia amat memerlukan sumbangan tenaga wanita dalam usahanya mengejar pembangunan sehingga menjadi negara maju.

Beliau berkata, sebagai contoh, wanita mungkin boleh mencapai lebih banyak kejayaan daripada lelaki dalam bidang perniagaan dan perusahaan kerana, secara umum, sifat mereka lebih berdisiplin dan cermat dalam pengurusan wang.

Di kalangan Bumiputera pula, memang menjadi sebahagian daripada budaya mereka untuk wanita bergerak lebih aktif daripada lelaki dalam bidang perniagaan dan perusahaan, katanya.

Budaya itu memang baik dan perlu diteruskan tetapi penyesuaian dengan alam pasaran moden perlu, kata beliau.

"Barangan dan khidmat yang dipasarkan sekarang sudah jauh berubah dan skalanya sudah menjadi jauh lebih besar," katanya. -- Lagi

▼06/01/20-15HST

CNS2448

R GB 06-01 00110 BD979

bah

Mahathir - Wanita 4 (akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Bagaimanapun, wanita juga perlu menceburi bidang-bidang lain di negara ini yang masih menjadi "domain" lelaki seperti kejuruteraan, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, penyertaan wanita dalam bidang itu akan membantu mengisi keperluan tenaga kerja dalam bidang berkenaan.

Mengenai anugerah itu, Perdana Menteri berkata, ia selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak wanita berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Beliau berkata, PENIAGAWATI juga diharap meneruskan usaha murni untuk menyedarkan seluruh masyarakat terutama wanita bahawa dunia keusahawanan ialah bidang yang kompetitif dan penuh risiko tetapi membawa peluang dan kepuasan yang tinggi. -- Bernama.

AH FAZ

CNS2477

R GB 07-01 00085 BD991

bah

Ulangan dengan pembedulan

Mahathir - Wanita 5 (akhir) Kuala Lumpur (Samb berita awal)

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri menyampaikan anugerah Usahawan Wanita Harapan 1993 kepada empat usahawan wanita.

Mereka ialah Puan Rosenah bt Mohamed yang memiliki syarikat Dew Ma Farmasi, Puan Koraini Soltan (Sipro Plastic Industries Sdn Bhd), Puan Rohana Abdul Rahman (Sweet Touch Ceramic) dan Puan Mariam Tan Sri Sulaiman (The Body Shop, Ecoshop dan Ecover). -- Bernama

HS FAZ

▼07/01/00-07HST